



Ruj.kami:IPTB/HSE/03.2020 (01)

19 Mac 2020

Kepada: Rakan Niaga BURAQOIL

Tuan/Puan,

PANDUAN PENGURUSAN STESEN BURAQOIL BERIKUTAN WABAK COVID-19

Adalah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan **Perintah Kawalan Pergerakan**, mulai 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020, di seluruh negara. Ini adalah berikutan peningkatan kes COVID-19 secara mendadak di Malaysia. Perintah kawalan ini di buat di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1967.
3. Walaubagaimanpun, bagi sektor pembekalan minyak (tenaga) adalah terkecuali daripada Perintah Kawalan Pergerakan ini kerana ianya termasuk dalam perkhidmatan penting negara atau “essential services”.
4. Justeru, langkah berjaga-jaga wajib di ambil kira sepanjang proses operasi di semua stesen Buraqoil. Pihak IPTB SDN BHD mewajibkan kepada semua Rakan Niaga Buraqoil untuk mematuhi garis panduan yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
5. Pihak Rakan Niaga Buraqoil di tegaskan untuk melakukan proses berjaga-jaga dan pencegahan di stesen Buraqoil seperti yang berikut:
 - i. Menyediakan pelitup muka dan sarung tangan latex kepada semua pekerja yang bertugas sama ada di kawasan “forecourt” atau di kawasan dalam kedai Buraqmart.
 - ii. Menyediakan “hand sanitizer” di ruangan kedai, ruangan kaunter pembayaran, di setiap pam atau di mana-mana yang difikirkan perlu dan sesuai mengikut keadaan stesen.
 - iii. Memantau pekerja-pekerja yang mempunyai tanda-tanda wabak seperti demam, batuk, sakit kerongkong atau selsema.
 - iv. Pekerja-pekerja yang mempunyai tanda-tanda wabak di wajibkan untuk menjalani proses kuarantin di rumah dan mendapatkan saringan kesihatan.
 - v. Lakukan disinfeksi seandainya kawasan sekitar stesen di syakki terdedah dengan pesakit positif covid-19.
 - vi. Menasihati pekerja untuk mengamalkan jarak untuk bersosial minima 1 meter “Social Distance” sepanjang masa.
 - vii. Sentiasa peka dengan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Rakan Niaga Buraqoil/ Staff Stesen Buraqoil	Peranan
“Rakan Niaga Buraqoil/ Pengurus stesen”	<p>Penyelia Stesen juga disarankan untuk membuat pengesahan suhu badan kepada pelanggan sebelum masuk ke Kedai Buraqmart.</p> <p>Menasihati pelanggan dengan berhemah untuk tidak berurus dalam Kedai sekiranya suhu melebihi 37.5p bagi mengelak risiko jangkitan COVID-19 di stesen.</p> <p>Menyediakan pelitup muka, sarung tangan latex dan sanitizer untuk kegunaan pekerja dan juga pelanggan yang berurus dalam Kedai Buraqmart dan juga di Kawasan forecourt.</p>
“Staff Juruwang”	Juruwang disarankan untuk memakai sarung tangan latex ketika berurus dengan pelanggan.
“Staff Pembersihan”	Memastikan kerja-kerja pembersihan dan nyah kuman dilaksanakan dan dilaksanakan dengan lebih terperinci.
“Staff Forecourt”	Dinasihatkan untuk melakukan Pembersihan dan nyah kuman di setiap Kawasan pam dispenser seperti nozel secara kerap.

6. Kesedaran media massa, poster pencegahan COVID-19 dan “Tatacara Pengurusan Kes COVID-19 bagi Stesen Buraqoil” boleh di dapat di bahagian lampiran dan boleh di war-warkan dan di tampil di sekitar stesen untuk meningkatkan kesedaran umum.

Mohon sentiasa mendoakan agar wabak ini akan dapat dibendung dan bersama-sama bekerjasama dalam mencegah penularan wabak COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.

MUHAMAD ASYRAF BIN AZHAR

HSE Executive,
IPTB SDN BHD.

Lampiran Kesedaran Covid-19

*Mohon Rakan Niaga Buraqoil print dan tampal di Stesen.

Apa itu Novel Coronavirus?

Coronavirus(CoV) adalah famili virus yang menyebabkan pelbagai penyakit dari selesema hingga ke penyakit lebih teruk seperti MERS-CoV dan SARS-CoV.

Novel Coronavirus

pula adalah merujuk kepada spesis baru yang belum pernah ditemui oleh manusia.



Pencegahan

(Saranan WHO)



Kerap mencuci tangan



Menutup mulut dan hidung ketika bersin dan batuk



Masak daging dan telur dengan sempurna



Elak sentuhan dengan individu yang mempunyai gejala

Novel
Coronavirus
di China
adalah tidak
sama dengan
influenza di
Malaysia.

Namun
pencegahan
kedua-dua
penyakit
adalah
hampir sama



UKK MOH

Sumber: WHO

* Mohon Rakan Niaga Buraqoil print dan tampal di Stesen.

LANGKAH-LANGKAH MELINDUNGI DIRI ANDA

dan orang lain daripada Novel Coronavirus (2019-nCoV)



1

Selalu mengamalkan tahap kebersihan diri yang tinggi seperti kerap mencuci tangan dengan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*)

2

Semasa dalam tempoh lawatan ke tempat-tempat yang berlaku wabak ini (jika perjalanan tidak dapat dielakkan)



Sentiasa membawa bersama penutup mulut dan hidung (mask) serta bahan pencuci tangan (*hand sanitizer*)



Elakkan dari melawat ke ladang haiwan, pasar yang menjual haiwan hidup, tempat sembelihan haiwan atau menyentuh sebarang jenis haiwan



Elakkan dari mengunjungi tempat tumpuan ramai dan bergaul rapat dengan mana-mana individu yang bergejala



Elakkan dari memakan sebarang produk haiwan yang mentah/tidak dimasak dengan sempurna

3



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

Sumber : CPRC Kebangsaan



IPTB SDN BHD 20030107380 (619800-H)

C-9-5, Block C, Level 9, Unit 5, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2166 1285 | Fax: +603 2166 1284 | Email: info@buraqoil.com.my

* Mohon Rakan Niaga Buraqoil print dan tampal di Stesen.

7 LANGKAH PENCUCIAN TANGAN YANG EFEKTIF

- **1** Lekapkan kedua telapak tangan dan gosok.
- **2** Lekap telapak tangan kanan di atas dorsum tangan kiri dengan jari bersilang dan gosok. Ulangi langkah ini di tangan kiri.
- **3** Lekapkan kedua telapak tangan dengan jari bersilang dan gosok.
- **4** Genggam jari tangan kiri, guna tapak tangan kanan, gosok bahagian dorsum, buku jari dan jari tangan kiri. Ulangi langkah ini di tangan kanan.
- **5** Gosok sekeliling ibu jari kiri dalam genggaman telapak tangan kanan dan sebaliknya.
- **6** Kuncupkan jari tangan kanan di atas telapak tangan kiri dan gosok secara putaran ke hadapan dan ke belakang. Ulangi langkah ini di tangan kanan.
- **7** Gosok secara putaran di pergelangan tangan kiri. Ulangi langkah ini di tangan kanan.

 **Kementerian Kesihatan Malaysia**
UKK@MOH

 **BURAQOIL**

* Mohon Rakan Niaga Buraqoil print dan tampa di Stesen.

The infographic illustrates the four steps to correctly wear a face mask:

- 1**: Pakai sisi berwarna menghadap ke luar/ sisi putih menghadap ke dalam
- 2**: Tutup keseluruhan mulut dan hidung
- 3**: Ikat/sarung tali pada telinga
- 4**: Menggunakan kedua-dua belah tangan, bentukkan kepingan logam mengikut bentuk hidung

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Infografik Bernama

BURAQOIL

* Mohon Rakan Niaga Buraqoil print dan tampal di Stesen.

| BERSAMA TANGANI WABAK COVID-19

Kenali Gejala:



Demam



Batuk



Sesak nafas

Dapatkan bantuan perubatan sekiranya:

- ✓ Mengalami gejala di atas
- ✓ Berhubung rapat dengan pesakit positif
- ✓ Pernah pergi ke negara yang mengalami wabak



Hubungi CPRC Kebangsaan/Negeri/Klinik Maya untuk tindakan lanjut.

Pencegahan:



Kerap cuci tangan dengan sabun sekurang-kurangnya 20 saat setiap basuhan



Cuci tangan terutamanya selepas batuk/bersin, sebelum dan selepas ke tandas, sebelum makan atau menyediakan makanan.



Elak menyentuh mata, hidung & mulut dengan tangan yang tidak dicuci



Duduk di rumah sekiranya anda sakit



Tutup mulut dengan tisu ketika batuk/bersin, buangkan tisu tersebut ke dalam tong sampah



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

Jangan terlambat untuk mendapatkan rawatan!

Sumber: CDC

* Mohon Rakan Niaga Buraqoil print dan tampal di Stesen.


KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

CEGAH NOVEL CORONAVIRUS (2019-nCoV)

JARAKKAN DIRI ANDA
SEJAUH 1 METER



SEKIRANYA ANDA
BERGEJALA ATAU
SEKIRANYA ANDA
NAMPAK ORANG
BERGEJALA.

Ini kerana, percikan partikel boleh tersebar sejaoh
satu (1) meter ketika batuk atau bersin.

 SCAN ME |  |  www.myhealth.gov.my | 

IPTB SDN BHD 20030107380 (619800-H)

C-9-5, Block C, Level 9, Unit 5, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: +603 2166 1285 | Fax: +603 2166 1284 | Email: info@buraqoil.com.my

* Mohon Rakan Niaga Buraqoil print dan tampal di Stesen.



DAPATKAN MAKLUMAT 2019-nCoV YANG SAHIH DARIPADA



Crisis Preparedness and Response Centre
(CPRC) Kebangsaan KKM

Nombor Hotline: 8.00 pagi - 5.00 petang

03 8881 0200

03 8881 0600

03 8881 0700

Emel: cprc@moh.gov.my

Scan untuk dapatkan bahan pendidikan kesihatan berkaitan
Novel Coronavirus (2019-nCoV)



<https://www.infosihat.gov.my/index.php/wabak-novel-coronavirus-atau-2019ncov>



IPTB SDN BHD 20030107380 (619800-H)

C-9-5, Block C, Level 9, Unit 5, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2166 1285 | Fax: +603 2166 1284 | Email: info@buraqoil.com.my